



PERARAKAN kostum adiwira sejauh 6.99 kilometer memeriahkan sambutan Hari Kulit Kebangsaan.



Ubah persepsi negatif masyarakat

Shah Alam: Sambutan Hari Kulit Kebangsaan 2017 di Setia Alam, dekat sini, semalam berlangsung meriah dengan

kehadiran hampir 1,000 pengunjung.

Acara yang bermula seawal jam 7 pagi itu diada-

kan di kawasan rekreasi Setia Eco Park dan dirasmikan Presiden Persatuan Dermatologi Malaysia Dr

Agnes Heng.

Pengerusi Hari Kulit Kebangsaan 2017 yang juga pakar dermatologi Dr Kartini

Farah Rahim berkata, acara sambutan itu dianjurkan oleh Persatuan Dermatologi Malaysia (PDM) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Kata Kartini, acara itu turut disertai pertubuhan bukan kerajaan dan kumpulan sokongan seperti Pertubuhan Kebajikan Pesakit Ichthyosis Malaysia (PERKIM), Dystrophic Epidermolysis Bullosa Research Association (DEBRA), Persatuan Psoriasis Malaysia, Kumpulan Sokongan Hidradenitis Suppurativa serta Persatuan Albino Kuala Lumpur dan Selangor.

“Tujuan utama sambutan Hari Kulit Kebangsaan diadakan adalah untuk mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap penghidap masalah kulit kerana kesedaran awam itu penting bagi memastikan mereka tidak dipandang serong.

“Maklumat betul boleh mengubah persepsi orang ramai terhadap pesakit kulit genetik dan selain itu, memahami bahawa ia sebenarnya tidak berjangkit dan tidak perlu dirisaukan,” katanya.

Orang ramai yang hadir memberi sokongan turut ‘sporting’ apabila hadir dengan berpakaian adiwira.